



SYIAH difatwakan menyeleweng kerana terlalu mengagungkan Saidina Ali dan mengkafirkan sahabat lain termasuk isteri Rasulullah, Saidatina Aisyah.



ANTARA barangan keagamaan yang digunakan pengikut aliran Syiah.

Sesat kasihkan Saidina Ali?

ALIRAN Syiah sangat kasih dan sayang kepada Saidina Ali k.w.h begitu juga kepada ahli keluarga Nabi SAW. Mengapa aliran yang mengikut Saidina Ali disebut tidak betul?

Semua umat Islam mestilah kasih dan sayang kepada ahli keluarga Nabi SAW. Ahli keluarga Nabi disebut sebagai *ali Nabi*. Sebagaimana dalam selawat biasa disebut *waala aalihi* iaitu ahli keluarga Nabi.

Maka kasih dan cinta kepada ahli keluarga Nabi bukanlah pembeza antara aliran Syiah dan umat Islam lain. Semua kita kasih dan cinta akan ahli keluarga Nabi. Namun, perbezaan utama

Soal jawab agama



Bersama **DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR AL-JARUMI** Pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan pendakwah bebas. Kemusykilan boleh diajukan ke nidium@yahoo.com

adalah dalam perkara yang lain antaranya:

1. Benarkah tunjuk ajar Saidina Ali sama sebagaimana ajaran Syiah yang diamalkan kini? Apa yang kita ketahui, Saidina Ali mengikut ajaran Nabi Muhammad SAW, justeru jika benar mengikut tunjuk ajar Saidina Ali, maka sudah pasti sama sebagaimana ajaran

Rasulullah.

2. Aliran Syiah menyatakan bahawa sahabat Nabi adalah sesat dan kafir kecuali beberapa sahabat. Maka, siapakah yang mendidik sahabat? Sudah tentu Nabi Muhammad SAW yang mendidik mereka.

■ Ini bermaksud bahawa Nabi tidak pandai mendidik sehingga semua sahabat adalah

golongan sesat dan kafir. Maka kesalahan sebenar adalah kesalahan Nabi. Benarkah Nabi yang bersalah?

■ Banyak lagi perbezaan dan persoalan yang boleh ditimbulkan. Secara ringkas, gunakanlah akal yang sihat untuk menilai sesuatu ajaran. Perbanyakkan guru agama, rajin membaca dan bertanya serta berusaha memahami ayat al-Quran.

“

Semua umat Islam mestilah kasih dan sayang kepada ahli keluarga Nabi SAW. Ahli keluarga Nabi disebut sebagai *ali Nabi*. Sebagaimana dalam selawat biasa disebut *waala aalihi* iaitu ahli keluarga Nabi.”

Wahabi sesat?

SAYA dapati ustaz ada menulis buku bertajuk 'Aku Bukan Wahabi'. Saya juga mendengar diskusi buku ini. Apakah ustaz hendak menyatakan aliran Wahabi sebagai sesat?

Saya tidak berhasrat menyatakan aliran Wahabi sebagai sesat. Saya juga tidak berhasrat untuk mengubah pendirian insan yang mengikut aliran ini. Sebaliknya ada dua perkara besar yang menjadi kebimbangan saya dalam aliran Wahabi.

1. Mengkafirkan umat Islam lain

Sikap menyesatkan dan mengkafirkan umat Islam khususnya aliran Ashairah. Sikap mengkafirkan ini adalah perbuatan melampau. Maka saya berharap agar sikap mengkafirkan ini diubah kepada sikap tidak bersetuju. Sikap tidak bersetuju lebih indah dan harmoni untuk kesatuan umat Islam.

2. Menggelar bidaah dan sesat
Sikap suka menyatakan sesuatu yang tidak Nabi lakukan sebagai bidaah sesat. Maka amalan umat Islam dihukum sebagai bidaah sesat. Apabila diteliti, sebenarnya amalan umat Islam masih bersandar kepada

dalil syarak seperti al-Quran dan riwayat hadis.

Contohnya bacaan Yasin pada malam Jumaat. Ya benar Rasulullah tidak melakukannya, namun amalan ini bersandar kepada nas al-Quran yang umum dalam bacaan al-Quran dan riwayat sunah menyebut empat kelebihan berkumpul untuk membaca al-Quran.

Oleh itu, jika dua sikap ini dapat dilenturkan dan diharmonikan, maka ia adalah sesuatu yang sangat baik. Maka kita hormat menghormati perbezaan sesama kita umat Islam.



Mengenali Wahabi & Perbezaannya dengan Ahli Sunah Wal Jamaah

DR. MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR